

Utusan 10/1/13
ms 2.

Oleh NOOR FAZRINA KAMAL
Gambar MOHD NOOR AMIN

Dik Nur cekal hadapi dugaan

Mengalami kelumpuhan otot wajah tidak halang Dik Nur untuk menjalani kehidupan seperti insan biasa lain

JANGAN tersinggung atau pelik jika gurauan atau cerita lucu anda dengan gadis sunti berusia 20 tahun ini tidak mendapat sebarang reaksi daripadanya. Sedih atau gembira reaksi wajahnya tetap sama sahaja.

Kalau bersedih atau menangis, hanya air matanya saja yang mengalir. Itulah yang dialami oleh **Farah Nurriana Adnan**, 20, yang menghadapi penyakit yang diberi nama sindrom *moebius*.

Cerita tentang apa yang dialami Farah Nurriana yang selesa dengan panggilan Dik Nur sebelum ini pernah mendapat liputan di beberapa majalah dan akhbar tempatan.

Dek kerana kesnya yang memang jarang didengar di Malaysia, Dik Nur juga mendapat rawatan hanya daripada kalangan doktor pakar sahaja.

Kes seperti Dik Nur ini boleh dikatakan amat jarang didengar di Malaysia tapi tidak di luar negara.

Untuk makluman, Dik Nur sebenarnya menghadapi satu keadaan yang mana pesakit tidak berupaya menggerakkan otot wajah.

Masalah ini berlaku akibat kegagalan fungsi neurologi yang amat jarang berlaku dan boleh dikatakan kes Dik Nur adalah satu-satunya di Malaysia.

Penyakit ini juga mengganggu sistem penghadaman Dik Nur dan pelbagai komplikasi lain seperti migrain hinggan hospital menjadi rumah kedua bagi keluarga ini.

Akibat penyakit tersebut, Dik Nur bukan sahaja tiada sebarang ekspresi pada wajah, malah dia juga tidak berdaya dan sering dimasukkan ke hospital kerana penyakit saraf yang ditanggungnya.

Tapi itu adalah rutin kira-kira 18 tahun lalu, Dik Nur kini semakin pulih dan sihat, malah dia kini mampu bekerja dan berdikari.



Ibunya, **Jamilah Abdul Karim**, 54, bersyukur kerana akhirnya dia menemui jalan penyelesaian terhadap penderitaan yang ditanggung Dik Nur.

Episod berulang alik ke hospital kini tinggal sejarah dalam kehidupan keluarga Dik Nur apabila gadis ini sekarang sudah memiliki kerjayanya sendiri.

Siapa menyangka Dik Nur yang dulunya hanya mampu terbaring berteman ubat-ubatan hospital, kini menjawat jawatan sebagai pengurus bahagian akaun dan bil di syarikat katering milik ibunya, **Jamilah Industries Sdn. Bhd.**

Bersikap positif dan tidak mahu lagi memandang ke belakang, Dik Nur kini juga aktif membantu ibunya mempromosikan produk terbaru makanan tambahan keluaran syarikat ibunya yang diberi label **JK Apricot Seed Collagen**, **JK Kopi Aprikot** dan **JK Herbal Juice**.

“Siapa sangka, Dik Nur yang dulunya hanya terlantar kini sudah boleh buat kerja pejabat. Dik Nur seorang yang cepat belajar dan saya macam tidak percaya dia boleh melakukannya,” kata ibunya yang ditemui di kediaman mereka di **Petaling Jaya**, Selangor baru-baru ini.

Dik Nur bukan saja diberi kepercayaan melakukan kerja akaun dan bil malah di rumah juga dia sudah boleh memasak.

“Sebagai ibu saya rasa amat bersyukur Dik Nur boleh melakukan semua perkara itu kerana elama ini dia hanya terlantar.



JAMILAH (kanan) sentiasa memberi sokongan kepada anak kesayangannya.

utusan 10/1/13

AKS 3.



Tentang Dik Nur

- Ibu dan para doktor pernah buntu dengan sindrom dihidapinya hinggalah ibunya terbaca satu artikel susunan Pengarang Majalah *Wanita* Normala Hamzah tentang Nicola McGuirk di London yang lahir tanpa senyuman.
- Bakal menjalani pembedahan tahun 2013 untuk membetulkan rahang dan tulang di bahagian muka supaya boleh mengunyah makanan dengan baik.
- Dik Nur tidak boleh mengedipkan mata jadi ibunya perlu menyediakan cecair khas untuk memastikan matanya tidak kering.
- Dik Nur kini bergelar usahawan produk apabila kesihatannya semakin baik dengan pemakanan tambahan berasaskan biji aprikot.
- Boleh hubungi 016-2753954 atau emel angel_beauty12@hotmail.com untuk maklumat lanjut mengenai produk.



DIK Nur sentiasa ditemani kucing-kucing kesayangannya.

“Mulanya saya sendiri takut untuk memberi kepercayaan pada dia melakukan tugas tersebut, tapi Alhamdulillah Dik Nur boleh melakukan dengan mudah,” ujar Jamilah tentang anak bongsunya.

Dik Nur kini turut membela tiga ekor kucing yang diberi nama Merlin, Oren dan Sayang.

Ketiga-tiga kucing ini dari baka Pedigree dan dijaga dengan penuh teliti, malah kucing-kucing tersebut juga kelihatan manja dengan Dik Nur yang sesekali dilihat berbual dengan haiwan tersebut.

Gadis bercita-cita tinggi ini juga sebenarnya masih menyimpan cita-cita yang diimpikannya sendiri iaitu untuk menjadi seorang doktor.

Siapa sangka, Dik Nur yang dulunya hanya terlantar kini sudah boleh buat kerja pejabat. Dik Nur seorang yang cepat belajar dan saya macam tidak percaya dia boleh melakukannya



FARAH Nurriana Adnan yang mengalami sindrom kelumpuhan otot wajah kini mampu menjalani kehidupan seperti insan lain.

“Saya mahu jadi doktor sebab saya selalu sakit,” jawab Dik Nur dengan nada lembut dan perlahan.

Jamilah yang setia menemani anaknya mengakui empat tahun kebelakangan ini anaknya itu menjadi semakin sihat.

“Kalau tidak Dik Nur setiap hari akan diserang migrain. Setelah berbelas tahun melihat apa yang serasi dengan Dik Nur, saya akhirnya menemukan jenis ubat, dos yang bersesuaian dan cara mengawal penyakit Dik Nur berdasarkan pengalaman sendiri.

“Dik Nur tidak bersekolah selama 11 tahun akibat penyakitnya. Kami hantar dia ke sekolah yang baik tapi tidak kekal dan akhirnya kami memanggil tutor ke rumah. Walaupun banyak masa tertinggal tapi kini saya amat berbangga kerana pencapaian Dik Nur di tahap memuaskan saya sebagai seorang ibu.”

Pun begitu, Jamilah masih takut membiarkan Dik Nur terlalu berdikari kerana ancaman bahaya di luar masih tinggi.

Disebabkan itu Jamilah mahu Dik Nur menumpukan kepada pembelajaran komputer yang boleh dilakukan dari rumah.

“Dik Nur pernah bersekolah di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak. Dia masuk kelas untuk pelajar buta, Dik Nur boleh melihat tapi sangat terbatas dan kabur. Di sekolah tersebut, Dik Nur ada belajar asas mengurut dan mentadbir spa.

“Insya-Allah kami akan mengusahakan sebuah spa di rumah kedai milik keluarga yang terletak di Damansara Damai.

Apabila siap spa nanti, Dik Nur sendiri mahu kawan-kawan sekolahnya dulu menjadi pekerja di spa tersebut.

“Saya bangga dan kagum dengan semangat yang Dik Nur tunjukkan, dia memang seorang yang positif. Lebih mengharukan saya, Dik Nur sebenarnya boleh beri lebih dari apa yang saya jangkakan,” ujar Jamilah sambil menatap wajah anak kesayangannya itu.

Dik Nur juga membuat keputusan untuk memakai tudung pada bulan puasa tahun lepas.

Rutin baru Dik Nur kini berubah apabila dia bangun seawal pukul 6 pagi untuk bersolat Subuh sebelum bersiap mengikut kakak atau abangnya ke pejabat dan hanya pulang ke rumah pada pukul 5 petang.

“Saya suka pergi kerja, tapi saya juga suka memasak. Insya-Allah akan datang saya akan bekerja di spa,” kata Dik Nur yang boleh memasak sardin dan kentang *wedges* untuk hidangan keluarganya.

Jamilah pula berkata, dia akan memberikan lebih pendedahan kepada Dik Nur dalam produk terbaru makanan tambahan yang berasaskan biji aprikot.

“Ilham menjual makanan tambahan ini juga adalah dari Dik Nur sendiri. Apa yang Dik Nur makan, kami lihat ada kesan positif. Biji aprikot amat sesuai untuk membantu mereka yang mempunyai penyakit dalaman yang tidak diketahui. Produk ini 100 peratus herba.

“Alhamdulillah setakat ini Dik Nur mendapat rawatan yang terbaik dari pakar, semuanya mengambil berat tentang perkembangannya.

“Kesusahan kami dibalas dengan segala urusan dipermudahkan Allah. Kami bersyukur,” ujar Jamilah menutup bicara.